

## DIFTERIA

### Info

→ Jangkitan akut jejasakan sistem pernafasan

→ Mula dikesan sekitar tahun 90-an di Russia, Ukraine, Mongolia dan Ecuador

→ Penyakit meningkat ketika musim sejuk di kawasan beriklim sederhana babitkan kanak-kanak bawah 15 tahun

→ Jangkitan mudah tersebar melalui titisan cecair dan sentuhan fizikal

→ Boleh jangkiti tekak dan kadangkala selaput mukus lain, kulit, konjunktiva dan kemaluan

# 5 lagi budak dijangkiti di Johor

B/HARIAN 25/2/19

MS 9

→ Jabatan kesihatan negeri kesan mangsa menerusi saringan 52 individu

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof  
mohdfahmi@bh.com.my

▀ Johor Bahru

**L**ima lagi kanak-kanak disyaki positif jangkitan difteria dan kini ditahan di wad isolasi pediatrik Hospital Sultanah Aminah (HSA), di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahrudin Jamal, berkata semua kanak-kanak berkenaan termasuk tiga perempuan berusia bawah empat tahun, dikesan positif jangkitan difteria susulan saringan terhadap 52 individu oleh Jabatan Kesihatan negeri.

Beliau berkata, seorang daripada mangsa yang positif adalah kakak kepada budak lelaki berusia dua tahun satu bulan yang meninggal dunia disyaki



[FOTO ZAIN AHMED/BH]

**Dr Sahrudin memasuki bilik rawatan pengasingan** untuk melihat perkembangan lima kanak-kanak dijangkiti difteria di HSA, Johor Bahru, semalam.

akibat jangkitan difteria, Selasa lalu.

“Daripada lima kanak-kanak disyaki positif, empat daripadanya didapati mengambil suntikan vaksin, manakala seorang lagi iaitu kakak kepada mangsa yang meninggal Selasa lalu, tidak mengambil suntikan vaksin.

“Semalam (kelmarin) hasil pemantauan Jabatan Kesihatan negeri, lima kanak-kanak ini mengalami gejala dan semua positif jangkitan difteria.

“Semua kanak-kanak ini tinggal di kawasan perumahan yang sama dan terdapat juga

sebuah TASKA yang dikunjungi kelima-lima mereka,” katanya di HSA, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Kesihatan negeri, Dr Selahuddein Abd Aziz.

Bagaimanapun, Dr Sahrudin berkata, tiga daripada kanak-kanak yang kini ditahan akan dibenarkan pulang esok, jika mereka tidak lagi menunjukkan gejala jangkitan.

“Kita akan berikan antibiotik khas dalam 14 hari sebelum pemantauan susulan dibuat bagi memastikan mereka benar-benar bebas daripada simptom.

“Tiga daripada mereka sudah

mendapatkan rawatan lebih awal pada 19 Februari lalu iaitu lebih 48 jam, manakala dua lagi akan terus menerima rawatan dan pemantauan susulan, bagaimanapun kedua-duanya dalam keadaan stabil,” katanya.

Katanya, jangkitan ini membabitkan satu komuniti kecil dan pihaknya yakin dapat mengawal ia daripada merebak ke tahap lebih buruk.

“Ini adalah jangkitan dalam kelompok kecil dan kita akan membuat pemantauan lanjut serta rapi bagi memastikan jangkitan ini dapat dikawal sepenuhnya,” tambahnya.